

Pengajaran kemahiran berfikir

Amalan dan cabaran dalam pendidikan masa kini

UB 03/11/2011 B4

MINDA PENDIDIK
ROSLEE TALIP



Bersama:

Mohd Yusof Abdullah, Baharom
Mohamad, Abdul Said Ambotang,
Muhammad Suhaimi Taat dan Shukri Zain

PERANAN utama pendidikan menjelang abad ke-21 ialah merintis transformasi sosial dengan melahirkan 'masyarakat berfikir'. Kejayaan sistem pendidikan negara dalam konteks ini amat bergantung kepada setakat manakah matlamat bagi melahirkan masyarakat berfikir akan dapat dicapai. Melahirkan masyarakat berfikir perlu dijadikan landasan perubahan sosial bagi menghadapi kemajuan dan cabaran gelombang perubahan global abad ke-21. Masyarakat berfikir ialah masyarakat yang berwibawa, produktif, optimistik kepada perubahan, berfikiran jauh, bersifat futuristik, dapat mempengaruhi proses membuat keputusan, mempunyai idealisme dan cita rasa yang tinggi, mempunyai nilai intelektual dan moral yang unggul, bersifat demokratik dan dapat membina dan mempertahankan nilai-nilai hidup yang menjamin kesejahteraan dan kebajikan ahli masyarakat.

Untuk mencapai hasrat Wawasan 2020 dan Wawasan Pendidikan maka sistem pendidikan diharapkan memainkan peranan utama untuk menghasilkan rakyat yang bukan sahaja berpengetahuan dan berketerampilan tetapi juga boleh berfikir secara kritis dan kreatif, serta boleh membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan cekap dan bijak. Kebolehan berfikir dengan berkesan sangat penting dalam dunia yang semakin kompleks dan canggih. Menghadapi cabaran-cabaran kehidupan seharian tidak hanya memerlukan pengetahuan yang cukup tetapi juga kemahiran mengaplikasikan pengetahuan itu dalam pelbagai situasi.

Perkembangan seimbang seorang pelajar penting bagi melahirkan generasi yang dapat menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran dunia yang kian kompleks. Selaras dengan Wawasan 2020, peranan sistem pendidikan ialah untuk mendidik dan menghasilkan rakyat yang bukan sahaja berpengetahuan dan berketerampilan tetapi juga boleh berfikir secara kritis dan kreatif. Kebolehan-kebolehan ini penting bagi membantu individu menyelesaikan masalah dan

membuat keputusan dengan lebih berkesan, sama ada untuk diri sendiri, masyarakat atau negara. Walau bagaimanapun, hasrat ini tidak akan tercapai sepenuhnya jika pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah tidak berubah dan tanpa melihat kepada aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan seimbang.

Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memberi pendidikan kepada pelajar-pelajarnya menerusi pelbagai pendekatan terkini dan mencabar kompetensi guru tersebut. Dalam masa yang sama guru memainkan peranan yang penting dalam dunia pendidikan dengan menyediakan pelajar ke arah mencapai matlamat dan wawasan pendidikan. Oleh itu, tahap pengetahuan guru dan persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran berfikir akan mempengaruhi amalan dalam pengajaran. Tahap ilmu dan kemahiran guru itu akan mempengaruhi minat dan keupayaannya untuk merubah amalan pengajaran dan pembelajaran sedia ada dan membawa amalan tersebut ke peringkat yang lebih berkualiti lagi. Kejayaan untuk mencapai matlamat yang dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengembangkan potensi intelek pelajar dan berkebolehan untuk berfikir dengan bijak banyak bergantung atas usaha guru.

Dalam pendidikan, para pelajar tidak hanya menerima pengetahuan semata-mata tetapi mereka seharusnya dapat menyatakan idea, fikiran dan pendapat dengan jelas, objektif, kreatif dan rasional dalam semua situasi. Di samping membekalkan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, perkembangan daya intelek pelajar-pelajar perlu dipertingkatkan. Bagi mencapai hasrat ini, peluang meningkatkan daya intelek pelajar perlu diwujudkan supaya pemikiran kritis dan analitis menjadi salah satu aspek penting dalam setiap aktiviti pembelajaran. Daya pemikiran pelajar dapat dipertingkatkan melalui pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran seperti main peranan bagi membolehkan pelajar mahir menganalisis isu-isu dan masalah serta kajian kes secara individu ataupun kumpulan bagi mengumpul maklumat, membuat analisis dan sintesis.

Dalam masa 50 tahun yang lampau, ramai ahli-ahli psikologi telah menumpukan penyelidikan mereka kepada memahami

bagaimana manusia berfikir. Satu pertanyaan ialah sama ada kita boleh menggunakan apa yang diketahui tentang perjalanan minda manusia untuk meningkatkan kemahiran berfikir terutama di sekolah-sekolah. Sebahagian besar pengetahuan atau ilmu yang dipelajari di sekolah cepat menjadi lapuk dan tidak banyak ilmu itu dapat digunakan dalam jenis pekerjaan yang akan dilakukan kelak. Apa yang kekal dan digunakan sepanjang hayat ialah kemahiran kognitif atau kemahiran berfikir yang dipelajari semasa pengetahuan dikuasai. Pemikiran ialah asas kepada proses pendidikan dan tidak ada seorang pendidik yang akan menafikan bahawa matlamat penting sistem persekolahan ialah untuk mengembangkan daya pemikiran pelajar. Malangnya, matlamat ini tidak diberi perhatian sewajarnya dan kerap kali dipinggirkan dalam arus pendidikan perdana.

Pelajar didedahkan kepada fakta sesuatu mata pelajaran tetapi tidak diajar berfikir tentang isi yang dipelajari. Pengajaran terlalu menekankan kepada penyampaian fakta atau maklumat, iaitu "mengetahui apa"; tetapi mengabaikan cara menggunakan atau mencari maklumat sendiri, iaitu "mengetahui bagaimana". Hal ini berlaku kerana pengajaran kemahiran berfikir sering diabaikan dan pelajar pula didapati sangat bergantung kepada guru sehingga menimbulkan tingkah laku impulsif, dogmatik dan malas memberi pendapat.

Pengajaran di sekolah-sekolah masih kurang memberi perhatian kepada perkembangan daya pemikiran pelajar. Menurut sorotan kajian terkini terdapat beberapa faktor mengapa pengajaran kemahiran berfikir tidak ditekankan. Antaranya ialah sesetengah guru berpendapat bahawa pelajar perlu terlebih dahulu mengetahui semua fakta dan konsep sesuatu mata pelajaran sebelum mereka boleh digalakkan berfikir. Tetapi setelah mengajar semua fakta dan konsep, masa pula tidak mengizinkan untuk menggalakkan pelajar berfikir. Faktor kedua ialah penekanan kepada peperiksaan yang mementingkan pengujian kebolehan pelajar mengingati kembali fakta. Secara tidak langsung ini mendorong guru untuk memberi banyak fakta dan mengutamakan penghafalan dan

kurang menggalakkan supaya pelajar berfikir tentang fakta yang dipelajari. Sebahagian guru pula berpendapat bahawa pengajaran kemahiran berfikir akan mengambil masa yang lama dan akan membebankan guru dan mereka lebih menumpukan pengajaran kemahiran berfikir itu hanya kepada pelajar pintar sahaja. Faktor keempat dan yang paling ketara adalah guru sendiri tidak tahu bagaimana cara untuk mempertingkatkan daya pemikiran pelajar mereka dan hanya mengajar pelajar untuk menghadapi peperiksaan. Mereka berpendapat bahawa mengajar pelajar menguasai maklumat untuk peperiksaan dan memperkembangkan daya pemikiran pelajar adalah dua matlamat yang berlainan dan bercanggah.

Cara penilaian, khususnya peperiksaan awam telah mempengaruhi kaedah pengajaran dan secara tidak langsung perkembangan pemikiran di kalangan pelajar. Kebanyakan soalan dalam peperiksaan ini hanya menguji hasil pembelajaran yang mudah, seperti fakta-fakta yang didapati dalam buku teks. Keadaan ini menyebabkan sesetengah guru enggan memberi perhatian kepada perkembangan pemikiran kerana keutamaan diberikan kepada penghafalan fakta-fakta untuk menjawab soalan-soalan beraras rendah dan sederhana. Penggunaan ujian objektif dengan meluas mengehadkan pengujian hasil pembelajaran yang lebih tinggi. Kurang penekanan diberi kepada perkembangan pemikiran juga mungkin disebabkan oleh kebolehan guru. Ramai di antara guru tidak begitu yakin dengan kaedah mengajar kemahiran berfikir kerana kurang penekanan diberi pada peringkat latihan perguruan.

Dalam konteks ini, guru merupakan peneraju utama dalam menggalakkan dan meningkatkan kebolehan berfikir pelajar. Oleh itu, guru harus terlebih dahulu memiliki beberapa ciri tertentu seperti berfikiran kritis, kreatif, bersifat reflektif, proaktif dan mempunyai pengetahuan untuk melaksanakan pengajaran kemahiran berfikir di sekolah masing-masing. Guru perlu belajar untuk mengubah dan belajar untuk perubahan.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah